

1. RK01 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Awam)

Program ini adalah bertujuan melahirkan para graduan yang berkelayakan akademik dan berkemahiran di dalam bidang Kejuruteraan Awam. Para graduan diterapkan dengan budaya ilmu kejuruteraan supaya mempunyai personaliti dan keperibadian yang unggul dan mampu berdikari sebagai jurutera profesional serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan didedahkan dengan pelbagai bidang ilmu mengenai kejuruteraan awam yang meliputi rekabentuk struktur, asas bangunan, teknologi konkrit dan besi, geoteknik, geomatik, pengurusan projek binaan, pengurusan sumber air, sistem binaan berindustri (IBS), teknologi bangunan pintar dan bahan binaan.

Prospek pekerjaan dan karier bagi bakal graduan adalah amat cerah kerana bidang ini sudah lama sinonim dengan pembangunan tamadun manusia. Graduan Kejuruteraan Awam akan mendapat peluang pekerjaan di agensi-agensi kerajaan dan swasta. Mereka berpeluang berkhidmat sebagai jurutera dalam industri pembinaan, jurutera perunding, kontraktor, pegawai penyelidik (R&D) di institusi akademik dan penyelidikan serta agensi kerajaan seperti JKR, JPS dan Majlis Perbandaran serta Kerajaan Tempatan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Awam
- Jurutera Fasiliti
- Jurutera Rekabentuk
- Jurutera Residen
- Jurutera Perkhidmatan Bangunan
- Jurutera/Eksekutif Jualan
- Jurutera Perunding
- Jurutera Struktur
- Jurutera Tapak
- Kontraktor/ Pembekal Pakar
- Jurutera Perunding Awam
- Ahli Akademik

2. RK07 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Alam Sekitar)

Objektif program ini adalah bertujuan untuk melahirkan tenaga manusia di peringkat iktisas yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar. Para graduan diterapkan dengan budaya ilmu kejuruteraan supaya mempunyai personaliti dan keperibadian yang unggul dan mampu berdikari sebagai jurutera profesional serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Kurikulum Kejuruteraan Alam Sekitar adalah merangkumi pengetahuan dalam bidang sains kejuruteraan (seperti termodinamik, mekanik bendalir dan pemindahan jisim), sains tulen (seperti ekologi asas dan kimia sekitaran), pengurusan sumber alam sekitar (seperti penilaian dan pengurusan alam sekitar) serta teknologi kejuruteraan alam sekitar (seperti kejuruteraan air sisa, kejuruteraan pencemaran udara dan remediasi alam sekitar).

Prospek kerjaya para graduan setelah tamat kursus adalah luas kerana mereka dilatih secara multidisiplin yang melibatkan kajian kimia, mikrobiologi, ekologi dan pengurusan kejuruteraan dan alam sekitar selain daripada prinsip-prinsip kejuruteraan. Di antara sektor-sektor kerajaan dan swasta yang menawarkan peluang kerjaya kepada para graduan adalah seperti JAS, JPS dan JKR, Nuclear Malaysia, MARDI, PORIM, NIOSH, industri tenaga, air, petroleum dan petrokimia serta pembinaan, tempatan dan antarabangsa.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera/Pegawai Alam Sekitar
- Pegawai Penguatkuasa Alam Sekitar
- Jurutera Proses
- Jurutera/Eksekutif Perunding
- Jurutera Kesihatan Awam
- Eksekutif Pembangunan Mampan
- Jurutera/Eksekutif Jualan
- Jurutera/Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
- Jurutera/Eksekutif Penilaian Risiko
- Jurutera Pemulihan Tapak
- Jurutera Sumber/Bekalan Air
- Jurutera Kawalan Pencemaran
- Ahli Akademik
- Kontraktor Teknikal Alam Sekitar
- Usahawan Alam Sekitar
- Jurutera/Pegawai Kawalan Kualiti Alam Sekitar